

SEMINAR PENDIDIKAN DAN PENCEGAHAN DADAH 2006

Seminar Pendidikan dan Pencegahan Dadah dianjurkan oleh Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia-KUKUM telah diadakan di Dewan Capitol pada 14 Februari 2006. Seminar sehari itu diadakan dengan kerjasama Biro Pendidikan Pencegahan-PPDA di IPT dan Kelab Pemadam Kebangsaan.

Menurut Y.B. Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM, seminar tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada warga kerja KUKUM serta kakitangan awam di negeri ini mengenai bahaya dadah kepada masyarakat. Selain itu ia diadakan kerana kedudukan negeri ini yang bersempadan dengan Thailand, keberangkalian aktiviti dadah adalah tinggi walaupun bilangan penagih adalah rendah.

Menurut beliau lagi, seminar berkenaan juga merupakan usaha berterusan bagi menangani gejala dadah sejarah dengan hasrat kerajaan mencapai matlamat Dadah Sifar menjelang 2015.

Selain ceramah dan forum yang mengundang beberapa pakar, demonstrasi sebat oleh Jabatan Penjara Alor Setar turut mengisi program itu.

Seminar akan dirasmikan oleh Rektor KUKUM Profesor Dato Dr. Kamarudin Hussin. Manakala majlis penutup dijangka dilakukan oleh Timbalan Menteri Pertahanan merangkap Yang Dipertua Pemadam Kebangsaan Dato Haji Zainal Abidin Zin.

